

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

27 OKTOBER 1990

KONVOKESYEN KHAS DI ITM CAWANGAN SARAWAK (ITMCS)

Pada 27 Oktober 1990, Konvokesyen Khas ITM Cawangan Sarawak (ITMCS) telah diadakan di Dewan Perhimpunan Negeri, Petra Jaya, Kuching sempena perasmian kampus tetap ITM Cawangan Sarawak di Samariang. Seramai 260 graduan buat pertama kalinya menerima diploma masing-masing di luar kampus induk ITM Shah Alam. Daripada jumlah tersebut empat orang menerima Sijil Percukaian, 91 Diploma in Accounting, 27 Diploma in Public Administration, 69 Diploma in Business Studies dan 11 Diploma in Stenography.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang merupakan sumber inspirasi dan pendorong perkembangan ITM di Sarawak telah diberi penghormatan untuk menyampaikan diploma kepada para graduan. Semasa menyampaikan ucapan, beliau meminta supaya ITM mewujudkan Kajian Kejuruteraan di kampus berkenaan. Hal ini adalah untuk

mengimbangi keperluan tenaga kerja di bidang petro-kimia dan yang berasaskan industri.

Sempena konvokesyen khas ini 2 orang graduan iaitu Encik Abim anak Sungam dan Cik Eliza binti Mohd. Tazuddin dinobatkan sebagai Anugerah Pelajar Terbaik ITM Cawangan Sarawak Tahun 1990. Masing-masing menerima RM1,000 dan RM500 daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Turut hadir di majlis konvokesyen tersebut ialah, Pengerusi Majlis ITM, Dato' Haji (Dr) Ani Arope, isteri Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Puan Sri Hajah Laila, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Mohammed Salehuddin, Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Alfred Jabu, Timbalan Pengerusi ITM, Tuan Haji Zahani Tan Sri Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor, menteri-menteri kabinet, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan isteri masing-masing.



YB Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, menyampaikan diploma kepada salah seorang lulusan.

Rujukan:

Konvokesyen khas di ITM Cawangan Sarawak. (1990, October). *Berita ITM*.

EDISI OKTOBER